

# BN bela nasib minoriti

Segenap lapisan masyarakat nikmati pembangunan dengan saksama

Oleh Misiah Taib

**M**ELAKA: Kerajaan Barisan Nasional (BN) sentiasa adil dan saksama dalam menyediakan pelbagai kemudahan dan membawa pembangunan untuk dinikmati oleh segenap lapisan rakyat, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Pengerusi BN Melaka yang juga Naib Presiden Umno itu berkata, tidak ada satu kaum pun termasuk golongan minoriti, yang diabaikan dalam usaha kerajaan BN memastikan nasib rakyat sentiasa dibela.


"Pendekatan ini adalah selari dengan prinsip kerajaan BN yang mengekalkan tradisi membela nasib rakyat terutama di kawasan luar bandar.

"Justeru, setiap pembangunan yang dilaksanakan akan dipastikan dapat dinikmati oleh pelbagai lapisan rakyat tanpa mengira kedudukan, agama dan bangsa," katanya pada majlis dialog dengan masyarakat India di Taman Pengkalan Indah dekat sini, semalam.

Semua ini, kata beliau, adalah kenikmatan kerajaan BN yang tidak mengira kaum dalam usahanya memberi keselesaan dan kesenangan kepada rakyat.

Mohd Ali berkata, rakyat perlu sentiasa memberi sokongan berterusan kepada kerajaan untuk memastikan pembangunan yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut jadual.

Beliau meminta pengundi India di Machap supaya memberi sokongan padu kepada calon BN pada pilihan



**BATU ASAS:** Mohd Ali meletakkan bata ketika merasmikan pecah tapak tanah balai raya Taman Pengkalan Indah, semalam.

raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan berkenaan pada 12 April ini.

"Jika semua pihak sama ada pengundi Melayu, Cina, India atau Orang Asli memberi sokongan padu, pasti calon pembangkang akan kehilangan depositnya," katanya.

Pada majlis itu, Ketua Menteri turut memberi kelulusan segera kepada penduduk di taman itu yang

memerlukan pagar untuk bilik ba-  
caan dan tanah perkuburan.

Pengerusi MIC Taman Pengkalan Indah, R Ratnavel berterima kasih kepada Ketua Menteri kerana bertindak segera meluluskan permohonan mereka demi kepentingan masyarakat India di taman berkenaan.

Katanya, kepimpinan BN sentiasa bersikap terbuka dan bersedia mendengar rintihan serta masalah

rakyat untuk diselesaikan.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gadek yang juga Timbalan Ketua Umno Bahagian Alor Gajah, Datuk Abdul Ghafaar Atan.

Sementara itu, Mohd Ali turut meluahkan masa melawat Bilik Gerakan Parti Progresif Penduduk (PPP) di taman berkenaan, diiringi Pengerusi PPP Negeri, Senator Chiew Tiang Chai.